

PENGHAYATAN MASYARAKAT JOHOR TERHADAP  
TARIAN TRADISIONAL MELAYU ZAPIN

FARAH NAZIHAH BINTI ZINURIN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN  
2022/2023



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **PENGHAYATAN MASYARAKAT JOHOR TERHADAP TARIAN TRADISIONAL MELAYU ZAPIN**

Disediakan oleh:

**Farah Nazihah Binti Zinurin**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Syarat

Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.



**TERBUKA**  
naskah

**Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai**

**keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)**



**SEKATAN**  
naskah


**Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai**

**keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatakuasa Pengajian Siswazah.**



**SULIT**

**(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)**



**TERHAD**

**(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\***

**Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:**

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

*FARAH*

FARAH NAZIHAH BINTI ZINURIN  
Tarikh: 15/2/2023

Tandatangan Penyelia

TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA  
Tarikh: 15/2/2023

**TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan

Nota\* Sekiranya tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Titipan penghargaan kepada Allah tuhan sekalian alam atas rahmat yang telah diberikan kepada hambanya. Selawat dan salam keatas junjungan nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat. Alhamdulillah dan syukur kehadrat illahi

Pertama-tamanya penghargaan ini saya tujukan kepada bapa saya iaitu Zinurin Bin Hussin dan ibu saya iaitu Suzanah Binti Sarmin kerana tidak pernah berhenti mengirimkan doa buat saya bagi terus diberkati dan terus bersemangat dalam apa jua yang saya lakukan. Terima kasih juga buat ibu bapa saya yang banyak membantu serta menyokong saya dari aspek rohani serta kewangan bagi menjalankan penyelidikan ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah saya iaitu TS. Dr. Mukhtaruddin Bin Musa kerana atas kesudian membimbing saya serta menunjuk ajar dalam menjalankan projek ini.

Ucapan terima kasih ini turut didedikasikan kepada teman seperjuangan saya yang tidak pernah lokek ilmu pengetahuan dan sentiasa menjadi pembakar semangat saya bagi menyiapkan kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI RAJAH DAN SENARAI JADUAL	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Kepentingan Kajian	5
1.8 Struktur Laporan	6
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Seni Tari	8
2.3 Tarian Tradisional di Malaysia	9
2.4 Asal Usul Tarian Zapin	10
2.5 Persembahan Tarian Zapin	12
2.6 Instrumen Dan Bilangan Penari Yang Terlibat Dalam Tarian Zapin	13

2.7 Pakaian Penari Zapin	16
2.8 Faktor Kurangnya Penghayatan Masyarakat Terhadap Tarian Tradisional	17
2.9 Kesimpulan	18
<b>BAB 3 KAJIAN METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	19
3.2 Reka Bentuk Kajian	20
3.2.1 Kaedah Campuran	20
3.2.2 Kaedah Kualitatif	21
(i) Kajian Kes	21
3.2.3 Kaedah Kuantitatif	22
3.3 Pengumpulan Data	22
3.3.1 Data Primer	22
3.3.2 Data Primer Kajian Kualitatif	23
(i) Lokasi Kajian	23
(ii) Temu Bual	23
3.3.3 Data Primer Kajian Kuantitatif	23
(i) Soal Selidik	23
3.3.4 Data Sekunder	24
(i) Sumber Perustakaan	24
(ii) Sumber Internet	24
3.4 Instrumen Kajian	25

(i) Perakam Suara	25
(ii) Buku Catatan	25
(iii) Borang Soal Selidik	25
<b>BAB 4: KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1 Pengenalan	27
4.2 Tarian Tradisional Melayu, Tarian Zapin	28
4.3 Analisis Dapatan Soal Selidik	30
4.3.1 Penghayatan Masyarakat Johor Terhadap Tarian Tradisional Melayu, Tarian Zapin	30
4.3.2 Faktor Yang Mengakibatkan Tarian Zapin Semakin Dilupakan Dalam Kalangan Masyarakat Di Johor	37
4.4 Kesimpulan	40
<b>BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	41
5.2 Rumusan	41
5.3 Cadangan	43
5.3.1 Kajian Akan Datang	43
Rujukan	44

<b>NO</b>	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
2.1	Gambar Menunjukkan Tarian Tradisional Di Malaysia	9
2.2	Gambar Menujukkan Alat Muzik Biola	13
2.3	Gambar Menujukkan Alat Muzik Marwas	14
2.4	Gambar Menunjukkan Alat Muzik Gambus	15
2.5	Gambar Menunjukkan Pakaian Penari Zapin Wanita	16
2.6	Gambar Menunjukkan Pakaian Penari Zapin Lelaki	16

<b>NO</b>	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>HALAMAN</b>
4.1	Bilangan Responden Yang Mengetahui dan Tidak Mengetahui Mengenai Definisi	31
4.2	Bilangan Responden Berdasarkan Jantina	32
4.3	Bilangan Responden Yang Pernah Menonton Dan Menyertai Persembahan Tarian Zapin	33
4.4	Bilangan Responden Yang Tahu Dan Tidak Tahu Menyenaraikan Alat Muzik	34
4.5	Bilangan Responden Yang Berminat Untuk Berkongsi Maklumat Mengenai Tarian Zapin	35
4.6	Bilangan Responden Yang Bersetuju Dan Tidak Bersetuju Bahawa Tarian Zapin Adalah Tarian Yang Menarik	36
4.7	Bilangan Responden Yang Memilih Tarian Zapin Dan Tarian Moden	37
4.8	Faktor Yang Menyebabkan Tarian Zapin Semakin Dilupakan	38

## ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk melihat kecaknaan golongan belia tentang seni tarian zapin di Johor. Tarian Zapin sememangnya cukup terkenal di Negeri Johor. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa masalah dalam melestarikan tarian zapin ini. Antara masalahnya ialah kurangnya pengetahuan mengenai latar belakang dan sejarah tarian zapin semakin dipinggirkan. Selain itu, masyarakat mempunyai mentaliti bahawa tarian zapin tidak menarik dan membosankan. Oleh itu, objektif bagi kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap penghayatan masyarakat di Negeri Johor terhadap tarian tradisional Melayu iaitu tarian zapin dan mengkaji faktor yang mengakibatkan tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat. Masalah dan objektif kajian ini akan diselesaikan pada bahagian metodologi kajian yang akan menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Seramai 65 responden telah menjawab soalselidik yang telah diedarkan. Hasil kajian, 92% masyarakat Johor masih menganggap bahawa Tarian Zapin adalah tarian yang menarik dan 8% lagi menganggap tarian zapin tidak menarik kerana kehadiran muzik moden yang semakin berkembang pesat. Oleh itu, kajian komprehensif mengenai Tarian Zapin perlu dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat.

UNIVERSITI  
-----  
MALAYSIA  
-----  
KELANTAN

## ABSTRACT

This study is to see the knowledge of the youth about the art of zapin dance in Johor. Zapin dance is indeed quite famous in the state of Johor. However, there are some problems in preserve this zapin dance. Among the problems is the lack of knowledge about the background and history of the zapin dance, causing Johor's appreciation of the zapin dance to be increasingly marginalized and the community having the mentality. In addition, society has the mentality that zapin dance is uninteresting and boring. Therefore, the objective of this study isto identify the level of appreciation of the community in the State of Johor towards the traditional Malay dance that is the zapin dance and examine the factors that cause the zapin dance to be increasingly forgotten among the community. The problems and objectives of this study will be solved in the methodological part of the study that will use qualitative methods and quantitative methods. A total of 65 respondents have answered the questionnaire that has been revealed. As a result of the study, 92% of the Johor community still think that the Zapin Dance is an interesting dance and another 8% think that the Zapin Dance is not interesting due to the presence of modern music that is growing rapidly. Therefore, a detailed study of the Zapin Dance should be conducted to obtain more accurate information.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN


Tarian zapin amat terkenal di Negeri Johor. Oleh itu, pada bahagian ini akan menerangkan secara terperinci mengenai topik kajian yang akan dijalankan semasa penyelidikan. Ia terdiri daripada bahagian pendahuluan, latar belakang, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Di akhir bab ini, ia akan menerangkan struktur laporan.

#### 1.2 LATAR BELAKANG

Seni tari merupakan suatu bentuk seni gerak manusia yang melambangkan corak dan asas budaya terutama dari ciri adat, budi bahasa dan watak sesuatu bangsa. Alam kesenian Melayu kaya dengan warisan seni tari sehingga terdapat tarian tradisi rakyat yang bercorak tempatan atau sukuan bergantung kepada negeri atau daerah. Namun terdapat empat jenis tarian yang tidak bersifat daerah iaitu Joget, Inang, Zapin dan Asli namun bersifat negeri. Keempat-empat tarian ini mempunyai rentak tersendiri. Ini menjadikan ianya sesuatu yang istimewa diantara seni tari yang lain (Asmad,1990).

Zapin berasal dari bahasa arab iaitu "Zafn" yang bermaksud pergerakan kaki cepat mengikut rentak pukulan. Zapin merupakan khazanah tarian rumpun Melayu yang mendapat pengaruh Arab. Tarian tradisional ini bersifat mendidik dan sekaligus menghibur, digunakan sebagai media dakwah Islamiah melalui syair lagu-lagu zapin yang didendangkan. Muzik pengiringnya terdiri atas dua alat yang utama iaitu alat muzik petik gambus dan tiga buah alat muzik tabuh gendang kecil yang disebut marwas. Sebelum tahun 1960, zapin hanya ditarikan oleh penari lelaki namun kini sudah biasa ditarikan oleh penari perempuan bahkan penari campuran lelaki dan perempuan.

Pengaruh seni musik seni tari, seni musik dan gurindam arab telah tersebar ke Johor melalui kawasan pesisir pantai barat Johor dan ke pendalamannya melalui sungai-sungai bersama-sama penempatan arab dikampung-kampung Melayu. Namun begitu, zapin melayu Johor unik karena telah menyaring kesenian arab sambil mencipta kesenian melayu dan falasafah kesenian Islam. Pada zaman dahulu kesenian zapin melayu dipersembahkan bukan hanya di halaman rumah, namun juga di persekitaran masjid juga surau untuk menyambut perayaan Maulid Nabi Muhammad SAW dan lain-lain.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Warisan kesenian seperti tarian zapin dilihat semakin lama semakin dipinggirkan di Johor. Buktinya, terdapat beberapa masalah yang telah didapati berkaitan penghayatan tarian tradisional dalam kalangan masyarakat di Johor.

Masalah pertama yang menjadi isu ialah kurangnya pengetahuan mengenai latar belakang dan sejarah tarian zapin dalam kalangan masyarakat di Johor. Ini menjadikan penghayatan masyarakat Johor terhadap tarian zapin semakin dipinggirkan sehingga mengubah mentaliti masyarakat bahawa tarian zapin tidak menarik dan membosankan.

### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah tahap penghayatan masyarakat Johor tentang penghayatan tarian tradisional zapin.
2. Apakah faktor yang mengakibatkan tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat di Johor.

## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan elemen penting didalam sebuah penyelidikan.

Hal ini untuk memastikan agar kajian yang dijalankan mencapai tujuan yang sebenar. Antara objektif yang ingin dicapai ialah:

1. Mengenalpasti tahap penghayatan masyarakat Johor terhadap tarian tradisional Melayu, Tarian zapin.
2. Mengkaji faktor yang mengakibatkan tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada penghayatan masyarakat di Negeri Johor tentang tarian tradisional zapin terutama bagi golongan generasi yang berumur dari 20 hingga 40 tahun. Selain itu, kaum Cina dan India juga akan disoal selidik mengenai tarian zapin ini. Informan ini akan terdiri daripada penduduk Johor bagi mendapatkan maklumat tentang penghayatan masyarakat Johor terhadap Tarian Zapin.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan kajian ini dilakukan. Antaranya, kepentingan kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap penghayatan masyarakat Johor terhadap tarian tradisional Melayu, Tarian zapin dan mengkaji faktor yang mengakibatkan tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, kepentingan kajian ini ialah dapat memartabatkan warisan tarian tradisional zapin khususnya di Negeri Johor. Hal ini dapat menyebabkan masyarakat melahirkan sikap ingin tahu dan mengetahui serta mempelajari tentang tarian tradisional zapin.

Dapatan Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran bahawa pentingnya tarian zapin untuk mengekalkan warisan budaya di Malaysia. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat membantu pengguna Internet, terutama dalam kalangan pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai tarian tradisional zapin.

## 1.8 STRUKTUR LAPORAN

**Bab 1** ini akan menerangkan tentang definisi kajian secara keseluruhan. Ia juga turut menyatakan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian. Kajian ini mempunyai 2 objektif kajian iaitu, mengenalpasti tahap penghayatan masyarakat Johor terhadap tarian tradisional Melayu, Tarian zapin. Seterusnya, mengkaji faktor yang mengakibatkan tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya, bahagian **Bab 2 akan** menerangkan tentang kajian terdahulu dan kajian yang berkaitan yang telah dijalankan oleh penyelidik lain berkaitan penghayatan masyarakat Johor mengenai tarian tradisional Melayu Zapin. Sumber internet, jurnal, dan artikel juga digunakan dalam bahagian ini.

Selain itu, **Bab 3** pula akan menerangkan tentang metodologi yang digunakan bagi mendapatkan data tentang kajian. Kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif telah digunakan dalam bahagian ini. Pengumpulan data dijalankan melalui kaedah temubual, kajian lepas, pemerhatian dan soal selidik.

Di samping itu, **Bab 4** akan membincangkan mengenai keputusan dan analisis yang telah diperoleh melalui metodologi yang telah dinyatakan didalam bab 3. Pengkaji akan menerangkan dan menganalisis dapatan kajian mengikut objektif yang telah dinyatakan.

Akhir sekali, di dalam **Bab 5** pengkaji akan merumuskan keputusan dan perbincangan yang telah diperoleh bagi menentukan bahawa semua objektif yang telah dinyatakan tercapai atau tidak. Selain itu, pengkaji juga turut mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi kajian ini pada bahagian kesimpulan dan cadangan.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Di dalam bab ini akan membincangkan tentang sorotan kajian yang berkaitan dengan definisi, latar belakang dan sejarah zapin di Malaysia.

Sorotan kajian ditakrifkan sebagai mengkaji hasil karya yang pernah dilakukan oleh orang lain. Ia perlu berpandukan kajian daripada jurnal, tesis dan surat khabar, video dan majalah. Rujukan ini boleh didapati di perpustakaan dan juga media elektronik dalam laman-laman web di internet.

Sorotan kajian merupakan instrumen yang penting di dalam sesuatu kajian. Hal ini kerana, ia dapat membantu penyelidik bagi menjadikan panduan berkaitan kajian yang sedang dijalankan. Di dalam kajian yang bertajuk penghayatan masyarakat Johor mengenai tarian tradisional melayu zapin, penyelidik menggunakan rujukan daripada jurnal, tesis, dan temubual bagi membantu menjayakan kajian ini

## 2.2 SENI TARI

Seni tari merupakan suatu bentuk seni gerak manusia yang melambangkan corak dan asas budaya terutama dari ciri adat, budi bahasa dan watak sesuatu bangsa. Alam kesenian Melayu kaya dengan pelbagai bentuk dan corak seni tari sehingga terdapat tarian tradisi rakyat yang bercorak tempatan atau sukuan bergantung kepada negeri atau daerah. Namun terdapat empat jenis tarian yang tidak bersifat daerah iaitu Joget, Inang, Asli dan Zapin kerana tarian ini terkenal di Negeri Melaka dan Negeri Johor. Keistimewaan keempat-empat tarian ini adalah mereka mempunyai rentak dan irama tersendiri. Tarian ini juga menggunakan seni tari iaitu seni gerak manusia yang melambangkan corak dan asas budaya (Asmad, 1990).

## 2.3 TARIAN TRADISIONAL DI MALAYSIA

Tarian dapat didefinisikan sebagai satu seni tari pergerakkan badan kaki dan tangan mengikut rentak muzik yang dimainkan. Antara tarian tradisional yang ada di Malaysia ialah Mak Yong di yang terkenal di Negeri Kelantan. Seterusnya, tarian Zapin yang terkenal di Negeri Johor. Selain itu, Tarian Gamelan yang terkenal di Negeri Terengganu dan Tarian Sumazau yang terkenal di Negeri Sabah.



Rajah 2.1: Gambar Menunjukkan Tarian Tradisional Di Malaysia.

- a) Tarian Makyong (Sumber: M Fakhrul Halim, 2019)
- b) Tarian Zapin (Sumber: Zuraidah Mohamed, 2016)
- c) Tarian Gamelan (Sumber: Jennifer Smith, 2013)
- d) Tarian Sumazau (Zulkarnain MS, 2018)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.4 ASAL USUL ZAPIN

Kata Zapin berasal dari bahasa Arab zaff yang mempunyai erti garis lurus. Gerak tarian ini mengikuti irama dan dilakukan secara berpasangan. Makna dari tarian ini iaitu menyampaikan pujian dan sanjungan kepada Rasulullah SAW dan Sang Maha Pencipta (Nurdin, 2017). Selain itu, Tarian Zapin berasal dari kata Al-Zaffan yang berarti gerakan kaki, dibawa oleh Mubaligh-Mubaligh Arab dan Yaman yang pada saat itu bertujuan untuk berdagang dan menyebarkan Agama Islam. Mulai diperkenalkan pada Abad ke-13. Tarian Zapin sangat banyak ragam gerak tarinya (Flourylia,2020)

Menurut Nurdin (2017) Tarian zapin ini dilakukan secara berpasangan dan mempunyai makna iaitu menyampaikan pujian dan sanjungan kepada Allah S.W.T. Tarian Zapin dipersembahkan menerusi irungan petikan gambus serta taksim di samping telangkah gendang marwas yang memberi tenaga kepada muzik yang didendangkan. Nyanyian pada tarian itu begitu murni dengan ia dipenuhi gurindam lama bersama puji-pujian kepada Rasul dan Tuhan serta pesanan dan nasihat orang tua. Zapin Melayu yang terkenal dengan kehalusan gerak tarinya kini menjadi identiti warisan kesenian budaya Melayu dan martabatnya yang dipandang tinggi. Negeri Johor yang merupakan negeri utama yang mengangkat kebudayaan itu telah menghimpunkan lebih 20,000 pengamal zapin yang terdiri dari kalangan warga tua, dewasa, remaja dan kanak-kanak.

Tarian zapin mempunyai gerak tarian dan irama yang tersendiri. Cara memainkan tarian Zapin ialah gerakan mengikut alunan muzik dan kiraan satu, dua, tiga dan empat. Pada hitungan ke-4 kaki dilunjurkan ke belah kiraan terakhir dibuat. Ia boleh dilakukan setempat atau gerakan ke depan atau kebelakang. Waktu melakukan gerakan, kondisi tubuh penari biasanya dalam keadaan tegak dan agak mendada. Zapin biasanya diiringi oleh beberapa instrumen musik tradisional dan jenis lagunya biasanya jenis Samrah. Instrumen yang terlibat ialah Biola, Marwas dan Gambus. Dalam Zapin tidak ada

peraturan yang tetap dalam menentukan berapa orang penari yang diperlukan untuk membuat pertunjukan (Flourylia,2020).

Tarian ini mempunyai tiga peringkat, iaitu peringkat pertama, permulaan tarian atau pembukaan tarian. Kemudian, peringkat kedua ialah pecahan atau gerak serta lenggang tari. Lenggang tari terbahagi kepada langkah kaki, posisi badan serta ayunan dan lenggangan tangan. Langkah kaki penari Zapin hanya seluas pemidang kaki dan tidak selebar betis untuk mengelakkan kain yang dipakai boleh terselak sehingga menampakkan betis kaki. Telapak kaki tidak diangkat terlalu tinggi mahupun di hala ke sebarang tempat bagi mengelakkan pandangan penonton ternampak telapak kaki (Noor, 2001)

## 2.5 PERSEMBAHAN TARIAN ZAPIN

Tarian zapin sering ditampilkan dalam acara pernikahan bagi orang Arab supaya dapat melestarikan kesenian mereka. Tarian ini sering ditampilkan dalam acara-acara pernikahan masyarakat keturunan Arab. Hal ini kerana ianya merupakan salah satu cara bagi masyarakat keturunan itu untuk melestarikan kesenian peninggalan leluhur mereka sendiri (Nurdin, 2017)

Cara memainkan tarian Zapin ialah gerakan mengikut alunan muzik dan kiraan satu, dua dan tiga dan empat. Pada hitungan ke-4 kaki dilunjurkan ke belah kiraan terakhir dibuat. Ia boleh dilakukan setempat atau gerakan ke depan atau kebelakang. Waktu melakukan gerakan, kondisi tubuh penari biasanya dalam keadaan tegak dan agak mendada. Zapin biasanya diiringi oleh beberapa instrumen musik tradisional dan jenis lagunya biasanya jenis Samrah.

Zapin begitu popular pada tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan di daerah Pekan terutamanya di Kampung Tanjung Gemuk dan Kampung Lamir. Tarian zapin biasanya ditarikan dalam majlis-majlis perkahwinan dan majlis keramaian. Anak-anak muda menjadi penggiat utama dalam tarian zapin ini kerana mereka mempunyai tenaga dan keupayaan menari dalam rentak yang cepat.

## 2.6 INSTRUMEN DAN BILANGAN PENARI YANG TERLIBAT DALAM TARIAN ZAPIN

Instrumen yang terlibat ialah Biola, Marwas dan Gambus. Dalam Zapin tidak ada peraturan yang tetap dalam menentukan berapa orang penari yang diperlukan untuk membuat pertunjukan. Namun, kerana penari perlu berinteraksi antara satu sama lain tarian Zapin dilakukan secara berpasangan. Penari-penari kemudian boleh berinteraksi dengan pasangan masing-masing dengan bergurau, atau menikmati alunan muzik dan lenggok tarian pasangan masing-masing.

Biola adalah sejenis alat muzik bertali yang dimainkan dengan menggunakan penggesek biola (*bow*). Biola mempunyai empat tali dan leher yang tidak mempunyai fret. Ia dimainkan dengan cara menggesek tali-tali tersebut dan hujung biola diletakkan di bahu pemain. Di samping itu, sekurang-kurangnya hanya dua orang sahaja pemain alat muzik biola yang diperlukan dalam persembahan zapin.



Rajah 2.2: Gambar Menunjukkan Alat Muzik Biola

(Sumber: Fasko Dehotman, 2017)

Gendang marwas memiliki dua muka yang ukurannya antara 15 hingga 20 sentimeter. Bagian badannya terbuat dari batang pohon nangka, durian ataupunciku yang pada bahagian tengahnya dilubangi.

Pada kedua permukaannya diikat menggunakan tali rotan atau kawat, atau tali dari kulit kambing atau kerbau yang ada. Bahan moden juga banyak menggunakan tali nilon yang diikatkan. Tali ini berfungsi untuk mengatur tegangan sehingga bisa dihasilkan suara bunyi sesuai dengan yang dikehendaki kenyaringannya. Walaubagaimanapun, hanya tiga orang pemain gendang marwas yang diperlukan dalam persembahan zapin.



Rajah 2.3: Gambar Menunjukkan Alat Muzik Marwas

(Sumber: Zulfa, 2014)

Alat muzik tradisional bernama gambus sangat terkenal di negara Malaysia, lebih-lebih lagi di negeri Johor Darul Takzim. Gambus dipercayai berasal daripada alat muzik di negara Arab atau Timur Tengah yang diberi nama sebagai Oud, yang membawa maksud kayu, ranting atau tangkai mudah luntur atau juga disebut sebagai sebongkah kayu. Nama gambus atau Oud bukan sahaja terdapat di Gagasan Asia yang terdiri daripada negara Malaysia, Brunei, Indonesia dan juga Singapura.

Di Johor juga terdapat dua bentuk persembahan gambus. Pertama, adalah persembahan gambus pada majlis perkahwinan orang-orang Melayu dan kedua adalah untuk persembahan untuk tarian zapin. Oleh itu, hanya satu alat muzik gambus sahaja yang digunakan dalam satu-satu persembahan tarian zapin.



Rajah 2.4: Gambar Menunjukkan Alat Muzik Gambus

(Sumber: Nurazizah,2020)

## 2.7 PAKAIAN PENARI ZAPIN

Penari-penari zapin memakai pakaian Melayu selengkapnya semasa membuat persembahan tarian zapin. Penari lelaki memakai Baju Melayu Johor, songkok tinggi, samping di bawah paras lutut dan memakai kerongsang pada songkok. Manakala, penari perempuan pula akan memakai Baju Kurung Melayu Johor, samping, bersanggul atau bertudung dan rantai emas.



Rajah 2.5: Gambar Menunjukkan Pakaian Tarian Zapin Penari Lelaki



Rajah 2.6: Gambar Menunjukkan Pakaian Tarian Zapin Penari Wanita

## 2.8 FAKTOR KURANGNYA PENGHAYATAN MASYARAKAT TERHADAP TARIAN TRADISIONAL

Warisan kesenian dan kebudayaan di Malaysia dilihat semakin lama semakin dipinggirkan di Malaysia kerana arus modenisasi. Jika dibandingkan era dahulu dan kini, kesenian dan kebudayaan dilihat menjadi salah satu medium untuk menghibur dan sering dipertontonkan berbanding pada masa kini. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa golongan belia pada masa kini kurang didedahkan dengan amalan warisan kesenian dan kurang melibatkan diri dalam memartabatkan warisan kesenian dan kebudayaan di Malaysia. Belia pada masa ini lebih meminati budaya barat seperti tarian “*kpop*”. Hal ini kerana, mereka tidak ingin dipanggil sebagai seseorang yang ketinggalan zaman kerana masih meminati tarian tradisional. Tetapi terdapat juga segelintir golongan belia yang berminat dan secara sukarela melibatkan diri dalam usaha untuk mengekalkan budaya dan warisan di Malaysia. Salah satu warisan kesenian dan kebudayaan di Malaysia ialah tarian zapin (Flourylia,2020)

## 2.9 Kesimpulan

Hasil daripada sorotan kajian, Tarian Zapin merupakan tarian yang perlu diketengahkan untuk generasi pada masa ini supaya tidak dilupakan begitu sahaja. Oleh itu, sorotan kajian menjadi elemen penting didalam sesebuah kajian. Selain itu juga ia berperanan sebagai membina struktur atau rangka penulisan serta mengenalpasti kelemahan yang perlu dielak dan perlu dibaiki. Ia juga turut menyediakan fakta-fakta permulaan kepada sesuatu kajian yang baru.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian dedefinisikan sebagai satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian keatas subjek kajian yang tertentu (Hornby, 1985). Selain itu, metodologi kajian juga membawa maksud bagaimanakah suatu objektif kajian tersebut hendak dicapai (Ahmad Mazhab Ayob, 1985). Metodologi kajian atau kaedah kajian merupakan pengumpulan maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Elemen metodologi yang dipentingkan didalam penyelidikan ini ialah reka bentuk kajian, pengumpulan data, persampelan, instrumen penyelidikan dan analisis data. Kajian yang dijalankan haruslah mempunyai metodologi kajian yang betul serta sistematik agar segala objektif kajian dapat dicapai dengan baik. Di dalam bab ini penyelidik akan mengemukakan kaedah kajian yang digunakan bagi mencapai matlamat kajian ini dijalankan.

### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Kerlinger (1970) reka bentuk kajian didefinisikan sebagai teknik mengolah data yang dikumpulkan berdasarkan strategi yang dikhkususkan serta sistematik. Selain itu juga, ia didefinisikan sebagai cara pengkaji mengendalikan kajian serta proses atau kaedah yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian (McMillan & Schumacher, 1984). Seterusnya tiga jenis reka bentuk kajian telah dikenalpasti iaitu kaedah kualitatif, kuantitatif dan pendekatan kaedah campuran. Di dalam penyelidikan ini pengkaji menggunakan reka bentuk kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif bagi mencapai matlamat kajian yang dijalankan.

#### 3.2.1 Kaedah Campuran

Kaedah campuran merupakan kaedah yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif didalam sesebuah penyelidikan. Menurut Creswell dan Plano Clark (2007) kaedah campuran atau *mixed method* boleh menyebabkan persoalan kajian lebih baik berbanding hanya menggunakan satu kaedah sahaja sama ada kuantitatif sahaja atau kualitatif sahaja. Selain itu, kajian reka bentuk campuran ini menggabungkan data kualitatif dan kuantitatif untuk menjadikan data yang diperoleh lebih difahami serta penerangan terhadap masalah kajian lebih jelas.

Di dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data temu bual serta pengumpulan data sekunder iaitu sumber perpustakaan dan sumber internet. Secara keseluruhannya, kaedah campuran ini merupakan kaedah yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan data yang diperlukan didalam kajian ini.

### 3.2.2 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif memfokuskan kepada kualiti dan ia bersifat diskriptif. Kajian ini mempunyai beberapa jenis kajian antaranya ialah kajian lapangan dan jenis kajian kes. Data kualitatif dikenalpasti dalam bentuk temubual, pemerhatian serta analisis dokumen (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Menurut Taylor dan Bogdan (1984) data kualitatif berbentuk diskriptif ia berupa perkataan lisan atau tulisan berkaitan perilaku manusia yang dapat diamati. Hasil data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian dan temubual di lapangan. Selain itu hasil temubual, ia diperoleh daripada pernyataan individu yang ditemubual tentang pengalaman, sikap, keyakinan dan pemikiran mereka dalam kesempatan temubual mendalam.

#### i) Kajian Kes

Kaedah kualitatif iaitu kajian kes telah dipilih kerana kaedah ini bersesuaian dengan penyelidikan ini yang bertajuk “Penghayatan Masyarakat Johor mengenai tarian tradisional Melayu zapin”. Sehubungan dengan itu, kajian ini memerlukan pertemuan secara bersemuka bersama informen yang telah dipilih untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian.

### 3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif melibatkan kuantiti dan jumlah. Kaedah kuantitatif adalah jenis penyelidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus mengumpul data secara kuantitatif daripada responden, menganalisa data tersebut menggunakan statistik dan menjalani inkiri dalam bentuk yang objektif dan tidak bias (Creswell, 2008).

## 3.3 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data didefinisikan sebagai proses mengumpul dan mengukur maklumat dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Di dalam kajian ini pengkaji telah memilih kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif bagi kajian ini diperoleh daripada data primer iaitu pemerhatian, lokasi kajian dan temubual. Data sekunder pula ialah melalui sumber perpustakaan dan sumber internet.

### 3.3.1 Data Primer

Data primer merupakan data utama dalam sesebuah penyelidikan yang mana dataini masih belum diolah. Menurut Rohana Yusof ( 2004) data primer merupakan data yang berasal dari sumber yang asal atau sumber pertama. Selain itu, data primer juga merupakan data asal yang dikumpul secara khususnya untuk menjawab persoalan kajian. Menurut Hasan (2002) data primer ialah data yang diperoleh atau dikumpulkan langsung di lapangan oleh orang yang melakukan penyelidikan. Data primer boleh diperolehi daripada hasil temubual dan soal selidik.

### 3.3.2 Data Primer Kajian Kualitatif

#### i) Lokasi Kajian

Pengkaji telah memilih lokasi kajian yang terletak di Johor iaitu Daerah Mersing dan Daerah Kota Tinggi. Sehubungan dengan itu, ia memerlukan pengkaji untuk turun ke kawasan lapangan untuk mendapatkan maklumat tentang kajian berkaitan penghayatan masyarakat Johor terhadap tarian tradisional Melayu zapin dalam kalangan masyarakat di daerah tersebut.

#### ii) Temu Bual

Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai penghayatan masyarakat di Daerah Mersing dan Daerah Segamat tentang Tarian Zapin. Temu bual secara terperinci ini akan dijalankan bersama 100 orang informan yang terdiri daripada 50 orang dari Daerah Mersing dan 50 Daerah Kota Tinggi bagi mendapatkan maklumat tentang objektif kajian yang pertama dan kedua iaitu mengenalpasti tahap penghayatan masyarakat Johor terhadap Tarian zapin dan mengkaji faktor yang mengakibatkan tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat.

### 3.3.3 Data Primer Kajian Kuantitatif

#### i) Soal selidik

Soal selidik merupakan soalan yang diberikan kepada sampel yang telah dikenalpasti bagi mengumpulkan data kajian. Di dalam kajian ini soal selidik akan dijalankan bagi mencapai objektif kajian yang pertama dan kedua iaitu mengenalpasti tahap penghayatan masyarakat Johor terhadap Tarian Zapin dan mengkaji faktor yang mengakibatkan tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat.

### 3.3.4 Data Sekunder

Data sekunder ialah data yang telah dikumpul oleh pengkaji yang lain (Sabitha Marican, 2005). Menurut Hassan (2002) data sekunder adalah data yang dikumpulkan atau diperoleh oleh orang yang melakukan penelitian dari sumber-sumber yang telah ada. Tujuan penghasilan data ini ialah untuk menyokong maklumat data primer yang telah diperolehi. Bagi data sekunder ia diperolehi daripada analisis dokumen di perpustakaan, akses internet seperti maklumat daripada laman web yang berunsurkan pendidikan atau kajian serta media seperti rakaman video dan dokumentari.

i) Sumber Perpustakaan

Sumber rujukan dari perpustakaan merupakan satu perkara yang penting semasa proses penyelidikan. Rujukan ini bertujuan untuk mengetahui maklumat berkaitan sejarah dan latar belakang tarian zapin. Beberapa bahan rujukan telah diperolehi di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan antaranya ialah buku ilmiah, jurnal dan artikel.

ii) Sumber Internet

Sumber rujukan internet juga digunakan bagi mencari maklumat berkaitan dengan kajian. Antara sumber dari internet yang diperolehi bagi kajian ini ialah artikel yang bertajuk "*Tarian Zapin Sebagai Peninggalan Budaya Arab Di Tanah Melayu*" hasil karya Florylia.

### 3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Tujuan penggunaan instrumen kajian seperti buku catatan, perakam video, perakam suara dan kamera adalah untuk menyimpan rekod dan data ketika menjalankan kajian.

i) Perakam Suara

Perakam suara merupakan instrumen kajian yang digunakan ketika temu bual dijalankan bagi merekod segala perbualan bersama infromer. Selain itu, penggunaan perakam suara adalah untuk menggelakkkan sebarang maklumat yang diberikan oleh informen ketinggalan.

ii) Buku Catatan

Buku catatan merupakan salah satu instrumen yang turut digunakan bagi mencatat segala informasi yang diterima sama ada ketika melakukan pemerhatian mahupun ketika temu bual dijalankan bersama informen.

iii) Borang Soal Selidik

Borang soal selidik akan digunakan ketika pengumpulan data kuantitatif. Soal selidik ini akan diberikan kepada 100 orang responden secara di lapangan dan atas talian.

### 3.5 KESIMPULAN

Keseluruhannya bab ini menjelaskan tentang metod yang digunakan dalam proses pengumpulan data yang berkaitan dengan kajian. Di dalam kajian ini, pendekatan kaedah gabungan iaitu kuantitatif dan kualitatif sebagai reka bentuk kajian telah digunakan. Ia terdiri daripada pengumpulan data primer iaitu temu bual,kajian lapangan dan soal selidik. Selain itu, data sekunder bagi kajian ini terdiri daripada sumber perpustakaan dan sumber internet.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 PENGENALAN

Di dalam bab ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian tentang penyelidikan iaitu penghayatan masyarakat Johor terhadap Tarian Tradisional Melayu, Tarian Zapin. Seterusnya bagi menjawab objektif kajian yang pertama dan kedua iaitu mengenalpasti tahap penghayatan masyarakat Johor terhadap Tarian Tradisional Melayu, Tarian zapin dan mengkaji faktor yang mengakibatkan Tarian Zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, bagi memperolehi data kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual bersama informan di Johor. Dalam kajian temubual, pengkaji menemubual informan yang merupakan seorang koreografer di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Johor (JKKN).

Seterusnya, soalan soal selidik telah diberikan kepada 65 orang responden. Soal Selidik ini dijalankan selama dua minggu. Hasil analisis mendapati bahawa 44 orang responden terdiri daripada perempuan dan 21 orang responden terdiri daripada lelaki yang berasal dari Negeri Johor. Secara keseluruhannya responden perempuan merupakan majoriti bagi demografi jantina. Selain itu, demografi bagi kategori bangsa pula pengkaji telah menganalisis bangsa Melayu, China dan India. Bagi bangsa Melayu telah mencatatkan 61 orang responden. Seterusnya bagi bangsa Cina mencatatkan 3 orang responden. Manakala bagi bangsa India mencatakan 1 orang responden. Secara keseluruhannya, responden berbangsa Melayu merupakan majoriti bagi demografi bangsa.

#### 4.2 TARIAN TRADISIONAL MELAYU, TARIAN ZAPIN

Di awal bab 1, pengkaji telah menerangkan mengenai perkembangan Tarian Zapin. Namun, ianya dikuatkan lagi dengan kenyataan yang telah diberikan oleh Encik Hamly Shah iaitu salah seorang koreografer yang sedang berkhidmat di JKKN Johor. Beliau berpendapat bahawa Tarian Zapin merupakan sejenis tarian rakyat tradisional dilakukan masyarakat Melayu dalam Kepulauan Nusantara rantau Asia Tenggara terutamanya di negara-negara Indonesia (Sumatera, Kalimantan, Kepulauan Riau, Semenanjung Malaysia, khususnya di Johor, Singapura serta (Borneo – Sarawak dan Brunei). Tarian ini sering dilakukan dengan irungan muzik digubah khas. Tarian ini dipercayai diperkenalkan oleh orang-orang Parsi dan Arab dari Hadramaut, Yaman serta Timur Tengah yang berdagang ke Nusantara terutamanya negeri-negeri Sumatera serta tanah Johor mengganti peranan Melaka yang tertakluk sebagai sebuah entropot antarabangsa pada kurun ke-16 yang mana asimilasi dengan budaya Melayu diterapkan dalam persesembahan penduduk setempat.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa main Zapin Johor amat berbeza dengan Negeri lain kerana ianya dimulakan dengan taksim, ragam, kopak dan diakhiri dengan Wainab. Taksim bermaksud pembuka awal tarian dengan irungan petikan gambus sementara penari-penari mengambil tempat untuk persesembahan. Ragam pula dilakukan dengan pergerakan tertentu untuk memasukkan pantun. Seterusnya, kopak adalah telingkahan alat muzik marwas diakhir pantun. Wainab pula adalah pengakhiran sebuah pantun di dalam persesembahan. Pakaian rasmi main Zapin Johor adalah baju Melayu dan baju kurung Teluk Belanga.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan main Zapin yang telah dinyatakan oleh informan. Sebagai contoh, pada zaman dahulu selepas solat mereka bermain zapin sambil berselawat kepada rasul, manakala perbezaan sekarang main zapin hanya dipersembahkan di pentas dan majlis keramaian dan majlis perkahwinan.

Menurut informan, Negeri Johor telah terkenal dengan aktiviti main zapin disetiap daerah dan tarian ini sering dipersembahkan oleh setiap generasi sama ada yang muda ataupun warga emas. Oleh itu, hampir keseluruhan penduduk di Johor mengetahui apakah itu Tarian Zapin, Namun anak muda sekarang kurang minat untuk mempelajari Tarian Tradisional ini kerana mereka lebih meminati Tarian Moden.

Dalam pada itu, informan berpendapat bahawa minat terhadap sesuatu tarian datang dari individu itu sendiri. Beliau juga memberi pandangan bahawa kehadiran tarian moden juga mengakibatkan generasi sekarang mudah untuk melupakan tarian tradisional yang ada di negara mereka sendiri. Walaubagaimanapun, Negeri Johor sentiasa menambahbaik program-program berkaitan Zapin Johor pada setiap tahun. Selain itu, setiap sekolah telah ada kelab-kelab dan pertandingan zapin diperingkat daerah dan negeri.


Akhir sekali, informan juga berharap supaya Zapin Johor perlu diperkenalkan bukan hanya di Selatan tanah air tetapi juga di seluruh Malaysia kerana ianya telah menjadi suatu aktiviti seni budaya yang banyak membentuk jati diri bangsa Malaysia itu sendiri, keunikan dan keistimewaan zapin Johor perlu sentiasa ditunjukkan agar generasi muda dapat menghayati dan meminati tarian ini.

#### 4.3 ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK

Bagi menjawab objektif kajian pertama dan kedua, kaedah soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data. Objektif ini diperoleh melalui kaedah soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A, B ,C dan D. Analisis soal selidik juga diperolehi daripada empat pecahan iaitu ya atau tidak, pilihan jawapan dan pandangan penduduk Johor itu sendiri. Seramai 65 orang responden telah menjawab soalan soal selidik ini. Soal selidik ini dijalankan secara atas talian.

##### 4.3.1 Penghayatan Masyarakat Johor Terhadap Tarian Tradisional Melayu, Zapin


Tahap penghayatan masyarakat Johor terhadap tarian zapin merupakan soalan bahagian B bagi kaedah soal selidik. Bahagian ini mempunyai 6 soalan yang menggunakan bentuk jawapan ya atau tidak dan pendapat responden itu sendiri. Responden dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman berkaitan soalan yang telah dikemukakan. Berikut merupakan analisis data bahagian B.



Gambar rajah 4.1: Peratus responden yang mengetahui dan tidak mengetahui mengenai Tarian Zapin


Apabila ditanya mengenai definisi Tarian Zapin, seramai 62 orang responden menyatakan ya manakala 3 orang responden mengatakan tidak. Hal ini jelas menunjukkan bahawa majoriti masyarakat di Johor mengetahui Tarian Zapin. Namun begitu, seramai 41 orang responden perempuan telah menjawab ya berbanding responden lelaki yang hanya 21 orang menjawab ya. Ini telah membuktikan bahawa perempuan lebih mengetahui tentang sesuatu tarian berbanding kaum lelaki. 3 orang responden yang menjawab tidak adalah terdiri daripada kaum Cina dan kaum India. Ketiga –tiga responden ini juga terdiri daripada responden lelaki. Hal ini kerana mereka tidak pernah melihat Tarian Zapin di depan mata mereka sendiri walaupun mereka adalah masyarakat Negeri Johor.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN




Gambar rajah 4.2: Peratus responden berdasarkan jantina yang mengetahui dan tidak mengetahui mengenai jenis Tarian Zapin

Selain itu, soalan kedua yang telah dikemukakan ialah *berapakah jenis tarian zapin yang terdapat di Johor*. Seramai 49 orang responden mampu menyenaraikan Tarian Zapin yang ada di Johor. Manakala, 16 orang lagi responden tidak mengetahui jenis Tarian Zapin yang ada di Johor. Walaubagaimanapun, responden yang tidak mengetahui jenis tarian zapin adalah terdiri daripada 2 responden bangsa Cina, 1 responden dari bangsa India dan 13 responden dari bangsa Melayu. 16 orang responden yang tidak mengetahui mengenai Tarian Zapin ini juga ialah mereka yang berumur 21 tahun hingga 30 tahun. Mereka lebih terdedah dengan tarian moden yang semakin berkembang di negara ini sebagai contoh “*korean dance*”. Majoriti daripada mereka menganggap bahawa tarian yang rancak lebih menarik daripada Tarian Zapin yang mementingkan kelembutan dalam gerak tari. Hal ini membuktikan bahawa tidak semua masyarakat Melayu di Johor mengetahui jenis-jenis Tarian Zapin yang ada di Johor walaupun mereka pernah melihat Tarian Zapin secara umum.




Gambar rajah 4.3: Peratus responden yang pernah menonton dan menyertai persembahan Tarian Zapin.

Seramai 50 orang responden pernah menonton Tarian Zapin. Seterusnya, seramai 4 orang responden pernah menyertai tarian zapin ini. Manakala, 11 orang responden telah memilih jawapan kedua-duanya tidak. Responden perempuan telah mencatatkan seramai 39 orang yang pernah menonton Tarian Zapin berbanding responden lelaki yang mencatatkan hanya 11 orang. Seterusnya, 4 orang responden yang pernah menyertai Tarian Zapin ini adalah terdiri daripada 3 perempuan dan seorang lelaki. Mereka pernah menyertai Tarian Zapin ketika dibangku sekolah kerana terlibat dengan pertandingan yang dianjurkan oleh Persatuan Tarian Zapin. Responden yang memilih kedua-duanya tidak diwakili oleh 7 orang responden perempuan dan 4 orang responden lelaki. Hal ini membuktikan bahawa ramai masyarakat Johor lebih gemar untuk menonton Tarian Zapin daripada menyertainya. Hal ini kerana mereka merasakan diri mereka tidak berbakat dan tidak mahir untuk mempersembahkan tarian tersebut.




Gambar rajah 4.4: Bilangan responden yang tahu dan tidak tahu untuk menyenaraikan alat muzik yang dimainkan semasa Tarian Zapin dipersembahkan.

Seramai 48 orang responden mengetahui alat muzik yang dimainkan ketika Tarian Zapin dipersembahkan. Manakala selebihnya ialah jumlah responden yang tidak mengetahui alat yang dimainkan ketika Tarian Zapin dipersembahkan iaitu seramai 17 orang responden. 48 Orang responden yang mengetahui alat muzik yang terlibat dalam Tarian Zapin diwakili oleh belia yang berumur 21 tahun hingga 30 tahun. Hal ini kerana sebahagian besar golongan ini masih menuntut di Universiti dan memberi peluang besar untuk mereka mengenali jenis-jenis alat muzik dan fungsinya. Mereka juga lebih mudah terdedah dengan maklumat mengenai sesuatu tarian yang ada di Malaysia. Selain itu, sebilangan besar yang berjaya menyenaraikan jenis alat muzik yang dimainkan ketika Tarian Zapin dipersembahkan adalah mereka yang pernah menonton dan menyertai persembahan Tarian Zapin itu sendiri dan dapat melihat alat muzik yang dimainkan seperti Rebab, Rebana dan Gambus dengan mata mereka sendiri.



Gambar rajah 4.5: Peratus responden yang berminat untuk berkongsi maklumat mengenai Tarian Zapin

Berdasarkan gambar rajah di atas, seramai 50 orang responden yang diwakili oleh 45 orang responden perempuan dan 5 orang responden lelaki berminat untuk berkongsi maklumat mengenai Tarian Zapin ini kepada rakan-rakan mereka di Negeri lain. Manakala 15 orang yang memilih jawapan tidak terdiri daripada 10 orang responden lelaki dan 5 orang responden perempuan. Majoriti responden yang memilih jawapan tidak adalah mereka yang berumur 18 tahun hingga 30 tahun. Walaubagaimanapun, 3 daripada 15 responden tersebut adalah dari bangsa Cina dan responden selebihnya adalah dari bangsa Melayu dan bangsa India. 50 orang responden yang memilih jawapan ya adalah kerana mereka minat untuk menceritakan keistimewaan Tarian Zapin kepada rakan-rakan di negeri lain berbanding responden yang memilih jawapan tidak kerana mereka merasakan Tarian Tradisional ini tidak perlu diperkenalkan lagi kerana orang ramai lebih tertarik dengan tarian moden. Antara tarian moden yang diminati oleh generasi pada masa sekarang ialah *hip-hop*, *korean dance* dan *break dance*.




Gambar rajah 4.6: Bilangan responden yang bersetuju dan tidak bersetuju bahawa Tarian Zapin adalah tarian yang menarik

Apabila ditanyakan mengenai pendapat responden adakah Tarian Zapin ini adalah tarian yang menarik, seramai 60 orang responden yang bersetuju bahawa Tarian Zapin ini adalah tarian yang menarik. Manakala 5 orang responden menjawab tidak bersetuju sama ada Tarian Zapin ini adalah tarian yang menarik. 5 orang responden ini adalah golongan yang berusia 18 tahun hingga 20 tahun dan mereka adalah daripada 3 orang responden lelaki dan 2 orang responden perempuan. Dua orang daripada responden lelaki adalah dari bangsa Cina dan seorang dari responden perempuan juga adalah dari bangsa Cina. Manakala, responden selebihnya adalah dari bangsa Melayu. Hal ini kerana mereka menganggap bahawa Tarian Zapin ini adalah Tarian Tradisional yang lama dan tidak akan diminati oleh generasi pada masa ini.

#### 4.3.2 Faktor Yang Mengakibatkan Tarian Zapin Semakin Dilupakan Dalam Kalangan Masyarakat Di Negeri Johor

Faktor yang mengakibatkan tarian zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat di Negeri Johor merupakan soalan bahagian C bagi kaedah soal selidik. Bahagian ini mempunyai 2 soalan yang memerlukan pendapat responden itu sendiri. Responden dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman berkaitan soalan yang telah dikemukakan. Berikut merupakan analisis data bahagian C.




Gambar rajah 4.7: Bilangan responden yang memilih Tarian Zapin dan Tarian Moden

Apabila ditanya mengenai peluang untuk menyertai pertandingan Tarian Moden atau Tarian Zapin. Seramai 41 orang responden telah memilih Tarian Zapin. Manakala 24 orang responden telah memilih Tarian Moden. Ini membuktikan bahawa Tarian Zapin masih dikenali dan dihayati di Negeri Johor. 24 orang responden yang telah memilih Tarian Moden adalah terdiri daripada remaja yang berumur 18 hingga 20 tahun dan 21 tahun hingga 30 tahun. Mereka memilih Tarian Moden kerana tarian itu lebih mudah untuk diikuti dan mempunyai lagu yang rancak.

Kenyataan ini dikukuhkan lagi dalam ucapan di Festival Zapin Nusantara 1998, Yang Amat Berhormat Datuk Haji Abdul Ghani Othman telah menegaskan bahawa Zapin Melayu hampir pupus dari bumi Johor pada tahun 1970an dan 1980an kerana kebanyakan anak-anak Melayu di Johor sudah tidak tahu lagi akan wujudnya tradisi tersebut. Teguran Menteri Besar Johor itu merupakan satu ingatan tentang warisan budaya tradisional semakin dipinggirkan oleh generasi baru.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN



Gambar Rajah 4.8: Faktor yang menyebabkan Tarian Zapin semakin dilupakan

Seramai 24 orang responden yang terdiri daripada 15 orang responden perempuan dan 9 orang responden lelaki telah memilih kehadiran muzik moden sebagai faktor Tarian Zapin semakin dilupakan. Seterusnya, seramai 13 orang responden telah memilih kemajuan teknologi sebagai faktor Tarian Zapin semakin dilupakan yang diwakili oleh 10 orang responden perempuan dan 3 orang responden lelaki. Di samping itu, 11 orang responden telah memilih faktor ketiadaan promosi telah menyebabkan Tarian Zapin semakin dilupakan. Selain itu, faktor kesibukan masyarakat telah dipilih oleh 9 orang responden yang diwakili oleh responden yang majoritinya berumur 31 tahun hingga 40 tahun. Hal ini kerana golongan ini lebih menghabiskan masa di tempat kerja dan tiada masa untuk mempelajari sesuatu tarian yang mereka tidak minati sejak dari awal. Akhir sekali, 5 orang responden yang terdiri daripada mereka yang berumur 21 hingga 30 tahun telah bersetuju bahawa perkembangan budaya asing telah menjadi faktor Tarian Zapin semakin dilupakan. Hal ini kerana masyarakat Johor lebih tertarik dengan tarian budaya luar daripada Tarian Tradisional di negara sendiri.

#### 4.4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, sebanyak 65 orang responden telah menjawab pelbagai soalan yang telah diberikan di dalam soal selidik dan pengkaji juga telah menjalankan temu bual semi struktur kepada informan yang terdiri daripada staff JKKN Johor. Hasil daripada temubual dan borang soal selidik yang telah diberikan, pengkaji telah berjaya mengenalpasti tahap penghayatan masyarakat Johor terhadap tarian zapin. Melalui kajian ini, peratusan masyarakat yang mengetahui mengenai Tarian Zapin masih lagi tinggi iaitu 75%. Namun, terdapat beberapa faktor yang telah mengakibatkan Tarian Zapin semakin dilupakan oleh sesetengah masyarakat di Negeri Johor antaranya kehadiran tarian moden dan kehadiran muzik moden yang semakin tinggi di negara kita.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 PENGENALAN

Bab ini mengandungi rumusan tentang kajian yang telah dijalankan serta cadangan berkaitan kajian penghayatan masyarakat Johor tentang Tarian Tradisional Melayu, Zapin.

#### 5.2 RUMUSAN

Kesimpulannya, Tarian Zapin amat popular di Negeri Johor semenjak dulu lagi. Zapin dan negeri Johor ibarat lagu dan irama yang tidak boleh dipisahkan. Malah tarian Zapin Johor dapat dikategorikan sebagai warisan terbilang yang penuh dengan keunikan, falsafah dan keindahan yang boleh dijadikan sebagai satu ilmu yang belum habis diterokai. Bermula dari usaha permulaan tari zapin pada tahun 1996 sehingga kepada usaha pelestarian dan memartabatkan Zapin Johor dilakukan mempunyai pelbagai ruang khazanah yang boleh dikaji dan dipelajari oleh pelbagai pihak.

Tahap penghayatan masyarakat Johor terhadap Tarian Zapin perlu diambil kira supaya langkah-langkah terbaik dalam mengekalkan kelestarian Tarian Zapin dapat dilakukan di Negeri Johor. Sehubungan dengan itu, masih ramai lagi masyarakat Johor yang menghayati Tarian Zapin di daerah mereka sendiri. Hal ini kerana sebahagian daripada mereka mempelajari mengenai Tarian Zapin melalui persatuan Tarian Zapin yang ada di sekolah dan tempat kerja mereka. Oleh itu, semua masyarakat perlu berganding bahu dalam memartabatkan tarian tradisional, Tarian Zapin.

Di samping itu, terdapat beberapa faktor yang mengakibatkan Tarian Zapin semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat di Johor. Hal ini kerana, ada sesetengah generasi muda kian melupakan tarian ini kerana lebih gemar untuk melihat tarian moden dari luar negara yang semakin berkembang di setiap pelusuk negeri. Oleh yang demikian, sokongan padu dari kerajaan negeri untuk memastikan kesinambungan penerusan tradisi ini perlu diteruskan supaya dapat membantu melonjakan populariti zapin sebagai warisan yang dipelihara dan dihayati oleh setiap generasi.

Kajian menyeluruh bab ini menerangkan tentang hasil kajian mengenai penghayatan masyarakat Johor dan memberi jawapan kepada objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, pengkaji berharap bahawa dengan adanya kajian ini dapat mendidik semua pihak dalam memelihara tarian tradisional dengan cara yang terbaik supaya nilai estetikanya dapat dilihat oleh generasi akan datang. Kajian ini juga diharapkan dapat menyedarkan semua pihak untuk meneruskan legasi tarian tradisional bagi memastikan pengkaji akan datang dapat menjalankan kajian seperti ini dengan skop yang lebih besar.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 5.3 CADANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, terdapat beberapa perkara yang perlu ditambahbaik bagi kajian ini. Oleh itu, pengkaji akan mengemukakan cadangan bagi kajian ini dan boleh diaplikasikan pada masa akan datang.

#### 5.3.1 Kajian Akan Datang

Penelitian terhadap penghayatan masyarakat Johor mengenai Tarian Zapin perlulah dilakukan secara terperinci dari pelbagai sudut. Hal ini kerana, rujukan mengenai penghayatan masyarakat Johor mengenai Tarian Zapin masih lagi kurang dalam carian di internet, jurnal dan buku. Selain itu, promosi besar-besaran mengenai keunikan dan keistimewaan Tarian Zapin perlu dilakukan semenjak sekolah rendah lagi supaya tarian ini tidak akan dilupakan oleh setiap generasi.

Akhir sekali, pihak tertentu perlu menambah lagi tenaga pengajar yang mahir dalam tarian tradisional di Malaysia agar mereka dapat mengajar dan melahirkan generasi yang bijak pandai dalam bidang tarian tradisional yang ada di Malaysia serta mampu memberi maklumat yang tepat kepada penyelidik akan datang. Sehubungan dengan itu, kajian yang lebih komprehensif berkaitan Tarian Tradisional, Zapin perlu dilakukan. Hal ini kerana, generasi pada masa sekarang akan lebih mudah untuk mendapatkan maklumat serta pengetahuan mengenai Tarian Zapin untuk dihayati sehingga mereka dewasa kelak.

**Rujukan:**

Bari, M. H. A., bin Samsuddin, M. E., & Kahn, S. M. (2021). Pelestarian dan pemartabatan zapin Johor sebagai warisan terbilang. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 75-113.

Retrieved from <http://ojie.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/34274>

Bobilya, A. J., Kalisch, K., & Daniel, B. (2011). An investigation of the Outward Bound final expedition. *Journal of Experiential Education*, 33(4), 356-359. Retrieved from <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/105382591003300406>

Beng, T. S. (2012). *Muzik Malaysia: tradisi klasik rakyat dan sinkretik*. The University of Malaya Press.

Fauzan, W. M. A. W. M., & Husain, S. K. S. (2018). Geometri dalam tarian zapin (Geometry in Zapin Dance). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(2).

Flourylia, I. (2020). Tarian Zapin Sebagai Peninggalan Budaya Arab Di Tanah Melayu. Retrieved from <https://osf.io/ntzu6/download>

Indah, I. Y., Ediwar, E. E., & Martion, M. M. (2017). Estetika Tari Zapin sebagai Sumber Penciptaan Karya Kaki-kaki. *Bercadik: Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni*, 1(1). Retrieved from <http://journal.isi-padangpanjang.ac.id/index.php/Bercadik/article/view/22>

Junaidi, J. (2014). Analisis semiotik tugu melayu di kota pekanbaru. *Jurnal Pustaka Budaya*, 1(1), 65-74.

Nurdin, N. (2017). Tari Zapin dalam Hajatan Pernikahan Masyarakat Keturunan Arabdi Kota Palembang. *Jurnal Sitakara*, 2(1). Retrieved from <https://jurnal.univpgri-palembang.ac.id/index.php/sitakara/article/viewFile/871/727>

Razali, Mohd & Hassan, Badrul & Abdul Latif, Associate Professor Dr Roslina. (2016). PEMULIHARAAN WARISAN TERPINGGIR: MENGANGGAP PERANAN MEDIUM SINEMA. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 32. 651-668.

Saleh, C. A. (2016). *Kajian Mengenai Hubungan di Antara Kecerdasan Emosi dan Prestasi Kerja Guru: Kajian Kes Di Sk Seksyen 20, Shah Alam* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Islam malaysia). Retrieved from <http://103.18.93.160/handle/123456789/12599>

Syahfira, D. (2021). *Komparasi Instrumen Muzik Gambus Elektrik Dengan Oud* (Doctoral dissertation, Universitas Negeri Medan).

TIMUR, K. G. D. J. (2021, September). MENGGALI MAKNA STRUKTUR TARIAN ZAPIN ARAB. In *Seminar Antar Bangsa Indonesia-Malaysia* (p. 1).

Yahaya, M., & Hayat Adnan, W. (2021). Cabaran pelajar melalui kaedah pembelajaran atas talian: kajian institusi pengajian tinggi awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare (JMIW)*, 14, 11-20.

FYP FTIKW



UNIVERSITI  

---

  
MALAYSIA  

---

  
KELANTAN